

Umno Sabah Mula Misi Kumpul Sejuta Tandatangan Sempena Ulang Tahun Umno Ke-66
Bernama
02 Mei, 2012

KOTA KINABALU, 2 Mei (Bernama) -- Umno Sabah memulakan misi mendapatkan sebanyak mungkin tandatangan rakyat Sabah khususnya anggota Umno, bagi menjayakan Kempen Sejuta Tandatangan sempena ulang tahun Umno yang ke-66.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Yahya Hussin berkata Umno negeri yakin akan memperoleh tandatangan sebahagian besar anggotanya yang kini berjumlah sekitar 450,000 orang.

"Kalau boleh kita mahu dapatkan sebanyak mungkin tandatangan termasuk yang bukan anggota Umno di Sabah," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat Larian Bendera Umno dan Kempen Sejuta Tandatangan sempena hari ulang tahun Umno ke-66, di sini.

Beliau berkata acara larian itu akan bermula di Sepanggar pada 4 Mei dan berakhir di Umno Bahagian Kota Kinabalu sebelum bendera itu diserahkan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri pada 8 Mei ini.

Katanya Musa kemudian akan menyerahkan bendera Umno itu kepada Ketua Pemuda Umno Sabah Awang Kadin Tang untuk dibawa ke Semenanjung.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663333>